

- |                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• mengetengahkan konsep</li> <li>• formula baharu</li> <li>• kualiti udara</li> <li>• menenangkan fikiran</li> <li>• perancang bandar</li> <li>• ciptaan Tuhan</li> <li>• projek pembangunan</li> <li>• keindahan alam</li> <li>• masyarakat dunia</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• pencemaran alam</li> <li>• sokongan padu</li> <li>• warisan alam</li> <li>• hutan batu</li> <li>• keseimbangan alam</li> <li>• menaikkan nama</li> <li>• bahan api</li> <li>• mengikut acuan</li> <li>• penduduk setempat</li> </ul> |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

## Rangka Karangan

### Pendahuluan

kemajuan dalam aspek pembangunan dan perancangan bandar telah berjaya menemukan satu \_\_\_\_\_ untuk mengekalkan kelestarian \_\_\_\_\_ – konsep bandar dalam taman menjadi satu unsur penting – contohnya, pembangunan di Shah Alam dan di Putrajaya – \_\_\_\_\_ berebut-rebut mahu \_\_\_\_\_ bandar hutan – menukar wajah \_\_\_\_\_ yang kaku – membuktikan kesungguhan negara ini untuk merealisasikan konsep bandar yang mesra alam

### Isi-isi Penting

1. menjaga \_\_\_\_\_ dan ekosistem dengan efektifnya – kadar penebangan hutan dan pertumbuhan hutan dijaga dengan baiknya oleh pihak yang membangunkan \_\_\_\_\_ – menjamin kehijauan alam \_\_\_\_\_ – pelan pembangunan sesuatu kawasan dirancang dengan telitinya – mengutamakan alam sekitar
2. mengurangkan \_\_\_\_\_ – sistem pengangkutan awam bersifat mesra alam – penggunaan \_\_\_\_\_ diminimumkan untuk menjaga \_\_\_\_\_ – menerusi pembinaan sistem transit aliran ringan – berupaya menghubungkan destinasi di sesuatu bandar dengan bandar lain dalam tempoh yang pantas – kurang asap kenderaan – udara tidak tercemar
3. menyediakan suasana kehidupan yang kondusif – demi keselesaan \_\_\_\_\_ – menggalakkan penanaman pokok di dalam bandar – persekitaran hijau dan sihat – aktiviti pembangunan dilakukan tanpa merosakkan keindahan alam semula jadi – landskap yang menarik bagi menggantikan binaan hutan batu – masyarakat kota dapat menikmati \_\_\_\_\_ – membantu \_\_\_\_\_ – menghilangkan \_\_\_\_\_ – kualiti kesihatan diri dan mental rakyat bertambah baik

### Penutup

konsep bandar dalam taman perlu diwujudkan dengan lebih banyak – memberikan pelbagai faedah dari segi ekologi dan ekonomi – pembangunan negara ini hendaklah \_\_\_\_\_ kita sendiri – langkah sebegini berupaya \_\_\_\_\_ negara pada mata \_\_\_\_\_ – sokongan rakyat amat penting – pelaksanaan konsep bandar dalam taman amat memerlukan \_\_\_\_\_ seluruh rakyat Malaysia